

**SEBANYAK 20 ekor lembu ditemui mati bergelimpangan dalam keadaan mulut berbuih dan keluar darah melalui hidung di ladang sawit di Kampung Sungai Tareh, Lambor Kanan, Bota.**

# Broker organ dah serah diri

## *Lelaki usia 48 tahun tampil ke balai selepas jadi buruan pihak berkuasa beberapa hari lalu*

**Oleh Mohd Roji Kawi**
am@hmetro.com.my

**Kuching**

Lelaki yang mendakwa dirinya terbabit dalam kegiatan penjualan organ manusia secara haram dalam media British ditahan selepas menyerah diri di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuching, semalam.

Timbalan Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk Dev Kumar berkata, suspek berusia 48 tahun itu tampil pada jam 1.45 tengah hari selepas menyedari dirinya menjadi buruan pihak berkuasa sejak beberapa hari lalu.

"Dia akan direman pagi esok (hari ini) dan disiasat mengikut Seksyen 15 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Lelaki terbabit menjadi buruan selepas artikel dalam The Sun bertarikh 8 Ogos yang mendedahkan aktivitinya kepada seorang wartawan yang menyamar sebagai pembeli organ.

Dia dikatakan memberitahu boleh mengatur urusan pemindahan organ secara haram untuk warga Britain dengan kos 85,000 pound (RM465,000), dengan perbualan mereka dirakam menerusi kamera tersembunyi.

Suspek juga dikatakan mendalangi 45 penjualan buah pinggang dan menggunakan Facebook untuk memikat mangsa dari seluruh dunia terutama individu miskin untuk menjual organ kepada pesakit terdesak.

Menurut laporan itu, suspek mendakwa hanya berperanan sebagai orang tengah yang mengatur jual beli itu sejak 2010.



*Polis Sarawak intip lelaki tawar RM400,000*

**Broker jual organ**

Oleh Suraya Roslan

Kuala Lumpur

Polis Sarawak sedang mengenal pasti seorang lelaki dipercayai broker yang menawarkan penjualan buah pinggang secara haram dengan harga lebih RM400,000 untuk warga Britain.

Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk Aidi Ismail berkata, pihaknya sedang membuat siasatan dan mengesan individu dimaksudkan.

"Pihak JSJ (Jabatan Siasatan Jenayah) sedang membuat siasatan dan sedang mengenal pasti orang yang dimaksudkan.

"Laporan polis dibuat pegawai JSJ Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sarawak supaya siasatan lanjut dapat dijalankan," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Terdahulu wartawan The Sun berpangkalan di United Kingdom membuat pendedahan dan penyamaran dengan berjumpa suspek berusia 46 tahun di sebuah hotel di Kuching, Sarawak.

Melalui penyamaran itu mendedahkan bapa empat anak itu dikenali Shaifullizan Abdul Mutalib menawarkan £85,000 (RM466,440) secara haram khas untuk warga Britain.

Berdasarkan laporan itu, Shaifullizan dipercayai broker dikatakan dalang penjualan 45 buah pinggang haram hanya menggunakan Facebook untuk memikat mangsa yang miskin dari seluruh dunia untuk menjual organ mereka kepada pesakit yang terdesak.

Bayarannya termasuk rasuah secara 'bawah meja' supaya pembedahan transplan boleh dilakukan di sebuah klinik di Manila, Filipina.

Imej Shaifullizan berjaya dirakam menggunakan kamera tersembunyi dan klise dalam video dirakam lelaki itu berkata, 'Di Manila, wang tunai adalah raja!'

Suspek juga mengesahkan hubungan antara perdagangan organ antarabangsa dengan mengambil organ dari minoriti Muslim Uighur yang tertindas di China.

Lelaki warganegara Malaysia itu yang tidak mempunyai pengalaman perubatan mengatakan dia mempunyai lebih dari 100 penjual buah pinggang berpotensi di seluruh dunia dalam rekod bukunya yang diperoleh melalui laman Facebook.

Dakwanya, dia sudah dihubungi sekurang-kurangnya lima warga Britain

LAPORAN Harian Metro, 11 Ogos lalu.